

# SUHAKAM perlu terus bersuara perjuangkan hak asasi manusia

Noor Mohamad Shakil Hameed,  
Timbalan Pendaftar, Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)** menyambut ulang tahun Jubli Perak penubuhannya pada 9 September lalu, sekali gus mengukuhkan fungsinya sebagai badan penting menjaga dan memartabatkan hak asasi manusia di negara ini.

Antara fungsi utama SUHAKAM ialah menggalakkan kesedaran dan menyediakan pendidikan berkaitan hak asasi manusia, menasihati dan membantu kerajaan mengubal undang-undang dan prosedur serta mengesyorkan langkah perlu diambil, mem-

beri pandangan mengenai penyertaan perjanjian dan instrumen antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia serta menyiasat aduan pelanggaran hak asasi manusia.

Walaupun sudah berusia 25 tahun, mungkin ramai tidak sedar kuasa diperuntukkan kepada badan ini iaitu menjalankan penyelidikan, berkongsi hasil penyelidikan itu, menasihati kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan aduan terhadap mereka dan mengesyorkan langkah sesuai untuk diambil, mengkaji dan mengesahkan sebarang pelanggaran hak asasi manusia.

Antara isu menjadi perhatian utama dan dikendalikan SUHAKAM ialah, isu Orang Asli, orang urang upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak, hak asasi manusia dan Islam serta agama lain, isu alam sekitar serta dasar berkaitan golongan rentan khususnya soal hak ekonomi, sosial dan budaya, selain hak awam serta politik.

Sebagai badan bebas dan neutral, suruhanjaya ini mampu menegakkan keadilan kepada golongan teraniaya tanpa mengira etnik, jantina, warna kulit, agama, bahasa atau lain-lain status.

Melalui fungsi menggalakkan kesedaran dan menyediakan pendidikan berkaitan dengan hak asasi manusia, kita dapat lihat SUHAKAM mengambil

pelbagai inisiatif strategik seperti bekerjasama dengan pihak berkuasa agama di peringkat Persekutuan dan negeri.

Ia termasuk menyediakan input teks khutbah Jumaat menyentuh pelbagai isu hak asasi manusia antaranya memberikan kesedaran dan peringatan kepada umat Islam keperluan menghormati dan menyayangi warga emas, memelihara hak asasi kanak-kanak, hak perlindungan daripada kezaliman, menyantuni OKU serta membanteras perdagangan manusia.

“Diharap pihak SUHAKAM akan terus bersuara memperjuangkan hak asasi manusia di negara ini melalui akta diperuntukkan”

Bergerak ke hadapan, walaupun SUHAKAM bukan agensi penguat kuasa serta tidak diperuntukkan kuasa penguatkuasaan, dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya, kita berharap kerajaan akan terus membuka pintu seluas-luasnya untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan semua jabatan dan agensi kerajaan apabila berbincang hal berkaitan hak asasi manusia.

Inisiatif kerajaan membawa kepada kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Hak Asa-

si Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 memperuntukkan beberapa pindaan diyakini dapat mengukuhkan kuasa dan fungsi badan ini sebagai organisasi hak asasi menjaga kemaslahatan rakyat.

## Laporan SUHAKAM dibahas di Parlimen

Keputusan kerajaan menjadikan mandatori untuk laporan tahunan suruhanjaya itu dibahas di Parlimen juga dilihat satu mesej jelas betapa isu hak asasi diberi perhatian serius Kerajaan MADANI, sekali gus mengiktiraf peranan SUHAKAM.

Diharap SUHAKAM akan terus bersuara memperjuangkan hak asasi manusia di negara ini melalui akta diperuntukkan sebagai meluaskan tanggungjawab menjadi badan penting dalam proses semak dan imbang dan peringatan kepada semua pihak.

Pada masa sama SUHAKAM perlu terus memperjuangkan hak dan keadilan dalam isu sensitif seperti kematian dalam tahanan polis, masalah penderaan dan sosial kanak-kanak serta pembealaan nasib golongan rentan.

Hak asasi manusia semakin menjadi tumpuan masyarakat dunia dan menjadi isu besar perlu ditangani dengan bijak dan berhemah ‘umpama menarik rambut dari tepung’, memartabatkan hak asasi setiap kelompok secara adil dan saksama yakni tanpa menafikan hak orang lain.

Maka, formula paling mujarab untuk memperkukuh hak asasi manusia ialah meningkatkan tahap kesedaran bahawa masyarakat memiliki hak asasi sejak dilahirkan lagi.

SUHAKAM perlu terus melaksanakan lebih banyak aktiviti memupuk kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat supaya masing-masing sedar hak diri dan juga hak orang lain dalam kerangka saling hormat menghormati, menunaikan tanggungjawab serta memelihara dan mempertahankan maruah diri dan juga orang lain.